

## SYARAT-SYARAT PENYERTAAN ASTRO KEM BADMINTON 2018 (“AKB 2018”)

- |                                     |  |
|-------------------------------------|--|
| <b>1. Pendaftaran dan Pelepasan</b> | <p>1.1 Borang Pendaftaran untuk AKB 2018 boleh diperolehi dari <a href="http://www.astrokasih.org/kembadminton">www.astrokasih.org/kembadminton</a>.</p> <p>1.2 Peserta- dikehendaki mencetak slip/e-mel pengesahan yang dikeluarkan oleh Pihak Penganjur ("Pengesahan Pendaftaran") dan menyerahkannya bersama-sama dengan Borang Pelepasan kepada Pihak Penganjur semasa Kem Pemilihan. Adalah dianggap bahawa Peserta dan Ibubapa/Penjaga:-</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Bersetuju untuk menuruti segala syarat-syarat penyertaan yang tertera dalam dokumen ini.</li><li>• Menjamin bahawa Peserta adalah dalam keadaan cukup sihat dan cergas untuk menyertai AKB 2018.</li></ul>  |
| <b>2. Kriteria Kelayakan</b>        | <p>2.1 AKB 2018 terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan Singapura (warganegara Singapura hanya untuk Kem Pemilihan di Johor Bahru) berumur di antara 10 hingga 12 tahun (lahir antara 1 Januari 2008 dan 31 Disember 2006, termasuk kedua-dua tarikh) dalam tahun 2018.</p> <p>2.2 Bekas peserta yang telah mengambil bahagian dalam Program Latihan Intensif Luar Negara Astro Kem Badminton dalam tahun 2013, 2014, 2015, 2016 atau 2017 adalah layak untuk menyertai AKB 2018 tetapi hanya untuk kedudukan “Mentor” di bawah “Program Kepimpinan Muda” bersempena dengan Latihan Intensif AKB 2018 di Malaysia dan Program Latihan Intensif Luar Negara AKB 2018 di Jepun. Untuk mengelakkan keraguan, tidak ada had umur untuk mana-mana bekas peserta yang ingin menyertai Program Kepimpinan Muda.</p> |
| <b>3. Penyertaan</b>                | <p>3.1 Semua maklumat yang diberikan oleh Peserta kepada Pihak Penganjur di dalam Borang Pendaftaran dan Borang Pelepasan mestilah diisi dengan lengkap, betul, benar dan tepat.</p> <p>3.2 Penyerahan Borang Pendaftaran dan Borang Pelepasan tidak menjamin mana-mana Peserta untuk terpilih menyertai AKB 2018. Pihak Penganjur berhak menolak penyertaan atas apa-apa alasan, termasuk (tanpa had) Borang Pendaftaran dan/atau Borang Pelepasan didapati tidak benar dan/atau tidak lengkap, tidak boleh dibaca atau terdapat mana-mana peruntukan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini tidak dipenuhi atau dipatuhi oleh Peserta, seperti yang ditentukan oleh Pihak Penganjur dalam budi bicara mutlak dan eksklusif.</p>   |

## SYARAT-SYARAT PENYERTAAN ASTRO KEM BADMINTON 2018 (“AKB 2018”)

3.3 Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang isu, masalah, kos, kehilangan atau kerosakan yang dialami oleh Peserta secara langsung atau tidak langsung akibat sebarang kelewatan dan/atau kegagalan dalam menyerahkan Borang Pendaftaran dan Borang Pelepasan dan/atau mendaftarkan diri di lokasi Kem Pemilihan yang dipilih pada tarikh dan waktu yang telah ditetapkan di Pengesahan Pendaftaran yang dikeluarkan oleh Pihak Penganjur.

#### 4. Jadual

4.1 Tarikh-tarikh dan Lokasi-lokasi Sesi-sesi Kem Pemilihan AKB 2018 adalah seperti berikut:

No	Tarikh Kem Pemilihan	Lokasi Kem Pemilihan
1	Sabtu, 31 Mac 2018	Master Badminton Club (Klebang) Ipoh, Perak, Malaysia
2	Jumaat, 6 April 2018	Daiman Sports Complex Johor Bahru, Johor, Malaysia
3	Jumaat, 13 April 2018	Kota Bharu Badminton Centre Kota Bharu, Kelantan, Malaysia
4	Sabtu, 21 April 2018	Arena Sukan Simpang Tiga Kuching, Sarawak, Malaysia
5	Sabtu, 28 April 2018	Kompleks Sukan Likas Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
6	Sabtu, 12 Mei 2018	Kompleks Sukan MSN Kampung Baru, Kuala Lumpur, Malaysia
7	Sabtu, 14 Julai 2018	Indonesia

## SYARAT-SYARAT PENYERTAAN ASTRO KEM BADMINTON 2018 (“AKB 2018”)

### 5. Kehadiran

- 5.1 Peserta dikehendaki:
- mendaftar pada tarikh dan masa pendaftaran yang tertera di Pengesahan Pendaftaran bagi mengelakkan pembatalan sesi Kem Pemilihan Peserta.
  - menghadiri sesi Kem Pemilihan pada tarikh dan masa yang tertera di Pengesahan Pendaftaran yang dikeluarkan oleh Pihak Penganjur.
- 5.2 Peserta terbaik semasa sesi-sesi Kem Pemilihan (sepertimana yang telah ditentukan oleh Pihak Penganjur dan Jurulatih AKB 2018 berdasarkan kepada penilaian mereka) akan dipilih untuk menyertai Latihan Intensif AKB 2018 di Kuala Lumpur, Malaysia yang akan diadakan pada bulan Ogos 2018 (“Latihan Intensif”).
- 5.3 Pihak Penganjur berhak membatalkan penyertaan mana-mana Peserta sekiranya Peserta yang gagal menghadiri semua atau mana-mana sesi-sesi latihan tanpa sebab munasabah semasa Latihan Intensif.
- 5.4 Peserta-peserta terbaik (sepertimana yang telah ditentukan oleh Pihak Penganjur dan Jurulatih AKB 2018 berdasarkan kepada penilaian mereka) semasa Latihan Intensif akan dipilih untuk menyertai Program Latihan Intensif Luar Negara AKB 2018 di Jepun pada bulan November – Disember 2018 (“Program Latihan Intensif Luar Negara”)\*\*.

#### Nota:

\*\*\*Di bawah Program Pembangunan Badminton Remaja dengan Persatuan Badminton Nippon Jepun, beberapa peserta dari sesi Kem Pemilihan Malaysia akan dipilih oleh Pihak Penganjur untuk menyertai sesi “latihan bersama” dengan Pasukan Remaja Jepun di Kuala Lumpur, Malaysia pada bulan September 2018 (“Program Pembangunan Badminton Remaja Malaysia-Jepun”). Peserta-peserta berdaftar yang terpilih dikehendaki untuk mengikuti Latihan Bersama Pasukan Badminton Remaja Jepun. Walaubagaimanapun, penyertaan dan pemilihan peserta dalam Program Pembangunan Badminton Remaja Malaysia-Jepun tidak bermaksud peserta tersebut akan dipilih untuk Program Latihan Intensif Luar Negara pada 2018.

### 6. Jurulatih

- 6.1 Kesemua sesi Kem Pemilihan, sesi Latihan Intensif dan Latihan Pra-berpusat untuk Program Latihan Intensif Luar Negara di Malaysia akan diketuai oleh jurulatih bertauliah dari Persatuan Badminton Malaysia.
- 6.2 Program Latihan Intensif Luar Negara di Tokyo, Jepun akan diketuai oleh jurulatih bertauliah dari Persatuan Badminton Nippon Jepun.

## SYARAT-SYARAT PENYERTAAN ASTRO KEM BADMINTON 2018 (“AKB 2018”)

- 
- |   |   |
|---|---|
| <b>7. Pakaian Peserta Dan Peralatan Badminton</b> | <p>7.1 Kemeja-T AKB 2018 akan disediakan oleh Pihak Penganjur kepada Peserta semasa AKB 2018.</p> <p>7.2 Peserta diwajibkan memakai kemeja-T yang disediakan oleh Pihak Penganjur semasa sesi Kem Pemilihan / Latihan Intensif / Program Latihan Intensif Luar Negara AKB 2018 lengkap dengan stokin dan kasut sukan milik Peserta sendiri.</p> <p>7.3 Peserta perlu membawa raket-raket badminton mereka sendiri ke sesi Kem Pemilihan/Latihan Intensif/Program Latihan Intensif Luar Negara AKB 2018. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk menyediakan raket badminton kepada mana-mana Peserta. Walaubagaimanapun, Pihak Penganjur akan menyediakan bulu tangkis.</p> <p>7.4 Peserta wajib memastikan pakaian mereka adalah sentiasa kemas dan bersih sebelum dan semasa sesi Kem Pemilihan/Latihan Intensif/Program Latihan Intensif Luar Negara AKB 2018.</p> |
| <b>8. Keselamatan</b>                             | <p>8.1 Pihak Penganjur akan mengambil langkah-langkah keselamatan dan berjaga-jaga yang diperlukan sepanjang program AKB 2018. Namun, pada setiap masa, Peserta hendaklah bertanggungjawab ke atas keselamatan diri masing-masing.</p> <p>8.2 Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang salah laku, kecederaan, kecacatan, kehilangan nyawa atau kemalangan yang dialami oleh Peserta semasa latihan AKB 2018 dijalankan. Walaubagaimanapun, sekiranya berlaku kemalangan terhadap mana-mana Peserta semasa AKB 2018, Pihak Penganjur akan memberi pertolongan perubatan yang munasabah dan praktikal kepada Peserta tersebut.</p>  |
| <b>9. Kesihatan</b>                               | <p>9.1 Peserta AKB 2018 yang terpilih untuk Latihan Intensif dan Program Latihan Intensif Luar Negara wajib mengemukakan Laporan Perubatan terkini tidak bertarikh lebih awal daripada tiga puluh (30) hari sebelum Latihan Intensif (“Laporan Perubatan”).</p> <p>9.2 Laporan Perubatan mestilah dikeluarkan oleh doktor bertauliah dari hospital/klinik kerajaan/swasta yang berdaftar.</p> <p>9.3 Laporan Perubatan mesti dengan jelas menyatakan bahawa Peserta tersebut cukup sihat dan tiada sebarang kecederaan dalaman dan/atau luaran.</p>   |

## SYARAT-SYARAT PENYERTAAN ASTRO KEM BADMINTON 2018 (“AKB 2018”)

---

### 10. Disiplin

- 9.4 Pihak Penganjur berhak untuk melarang atau membatalkan penyertaan mana-mana Peserta AKB 2018 jika didapati Peserta tersebut dalam keadaan kesihatan yang kurang baik menurut Laporan Perubatan.
- 10.1 Peserta AKB 2018 wajib menghormati semua pihak yang terlibat iaitu Pihak Penganjur, para jurulatih AKB 2018 serta para Peserta yang lain.
- 10.2 Pada setiap masa, Peserta dilarang membabitkan diri dalam perlakuan yang dianggap dalam pendapat mutlak Pihak Penganjur, tidak boleh diterima, seperti berikut:
- Bergaduh atau sengaja mencetuskan pergaduhan dengan orang lain, termasuk pihak ketiga;
  - Mencela, mengutuk atau merendahkan orang lain;
  - Merokok, mengambil dadah atau membawa bahan-bahan yang membahayakan kesihatan Peserta ke dalam semua dan mana-mana lokasi yang terlibat dalam AKB 2018;
  - Dengan sengaja mengakibatkan kecederaan parah pada orang lain;
  - Dengan sengaja mengakibatkan kerosakan peralatan badminton dan/atau kemudahan yang sedia ada di kesemua dan mana-mana lokasi AKB 2018; dan
  - Mencuri atau membawa pulang peralatan sukan kepunyaan Peserta lain atau yang disediakan oleh Pihak Penganjur bagi tujuan penggunaan semasa AKB 2018 tanpa kebenaran.
- 10.3 Peserta wajib mematuhi rekod kehadiran yang ditetapkan oleh Pihak Penganjur dan/atau jurulatih.
- 10.4 Pihak Penganjur berhak melarang atau membatalkan penyertaan Peserta AKB 2018 jika didapati Peserta tersebut adalah dalam keadaan fizikal yang kurang memuaskan atau telah melanggar peraturan disiplin yang ditetapkan oleh Pihak Penganjur.

### 11. Lain-Lain Perkara

- 11.1 Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan wang atau harta benda Peserta semasa sesi latihan AKB 2018. Oleh itu, semua Peserta dinasihati supaya tidak membawa barangan berharga sewaktu menghadiri sesi latihan AKB 2018.
- 11.2 Kebersihan gelanggang dan premis latihan adalah tanggungjawab semua Peserta yang terlibat dan perlu dijaga sepanjang masa AKB 2018 dijalankan.

## SYARAT-SYARAT PENYERTAAN ASTRO KEM BADMINTON 2018 (“AKB 2018”)

---

- 11.3 Keputusan Pihak Penganjur adalah muktamad, termasuk juga mana-mana keputusan mengenai pemilihan Peserta untuk menghadiri sesi latihan AKB 2018 di dalam atau di luar negara.
- 11.4 Pihak Penganjur berhak untuk mengubah, menukar, meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat yang tertera dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini mengikut budi bicara mutlak Pihak Penganjur tanpa sebarang pemberitahuan.
- 11.5 Pihak Penganjur boleh menamatkan atau menggantung AKB 2018 ini pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak Pihak Penganjur di mana, Pihak Penganjur juga berhak untuk tidak memilih mana-mana Peserta. Peserta tidak boleh membuat sebarang tuntutan berikutan daripada penamatan atau penggantungan program tersebut. Jika AKB 2018 ini disambung semula oleh Pihak Penganjur, Peserta-Peserta hendaklah mematuhi keputusan Pihak Penganjur mengenai penyambungan semula AKB 2018 ini.
- 11.6 Peserta tidak berhak untuk memberikan apa-apa hak atau sub-kontrak mana-mana obligasi yang terkandung di sini kepada pihak ketiga. Pihak Penganjur berhak untuk menyerahkan hak atau sub-lesen keseluruhan atau mana-mana bahagian haknya di bawah dokumen ini kepada mana-mana pihak ketiga seperti ditentukan oleh Pihak Penganjur.
- 11.7 Terma-terma, Notis Privasi dan Syarat-Syarat AKB 2018 ini hendaklah ditafsirkan, ditadbirkan dan dijelaskan selaras dengan undang-undang Malaysia.
- 11.8 Peserta dan Ibu bapa/Penjaga hendaklah menganggap semua Terma-terma dan Syarat-syarat serta peraturan-peraturan AKB 2018 dan semua maklumat dan pengetahuan yang diperolehi oleh Peserta berhubung kepada dan/atau berkaitan dengan AKB 2018 dan/atau diperolehi sebagai hasil daripada penyertaan beliau dalam yang sama, termasuk tanpa had butiran perniagaan dan operasi Pihak Penganjur, dan butir-butir mengenai mekanik AKB 2018 (selepas ini secara kolektif dikenali sebagai “Maklumat Sulit”), sebagai sulit dan Peserta hendaklah, semasa dan selepas AKB 2018 tempoh, mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah pendedahan Maklumat Sulit kepada orang yang tidak dibenarkan atau entiti atas apa jua sebab yang mengaku janji untuk menyerahkan kembali kepada Pihak Penganjur semua bahan-bahan yang mengandungi Maklumat Sulit termasuk sebarang dokumentasi, rekod-rekod, senarai-senarai, nota-nota, lakaran-lakaran, lukisan-lukisan, memorandum-memorandum, model-model, akaun-akaun,

## SYARAT-SYARAT PENYERTAAN ASTRO KEM BADMINTON 2018 (“AKB 2018”)

---

bahan-bahan rujukan, sampel dan media yang dibaca menggunakan sebarang mesin dan peralatan yang berkaitan dengan Maklumat Sulit termasuk semua salinan dan salinan daripadanya.

- 11.9 Melainkan jika diberitahu oleh Pihak Penganjur, semua kos yang ditanggung oleh Peserta berhubung dan/atau berkenaan dengan AKB 2018 termasuk tanpa had caj pos atau caj Pembekal Perkhidmatan Internet (ISP) (jika berkenaan), semua kos perjalanan dan pengangkutan, caj komunikasi, kos penginapan, kos makan, kos pasport/visa (jika berkenaan) dan kos lain-lain yang berkaitan dengan ditanggung oleh Peserta akibat dan/atau menurut penyertaan beliau dalam AKB 2018 hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Peserta. Pihak Penganjur tidak mempunyai sebarang obligasi untuk membayar balik kepada mana-mana Peserta untuk mana-mana kos yang disebutkan di atas dan perbelanjaan yang ditanggung daripadanya.
- 11.10 Ketidaksahan, kesalahan undang-undang atau mana-mana terma-terma dan syarat-syarat yang tidak boleh dikuat-kuasakan di dalam dokumen ini tidak akan memberi kesan atau menjejaskan kesinambungan kuasa bagi Terma-terma dan Syarat-syarat Kem AKB 2018 yang masih beroperasi.
- 11.11 Semua hak dan keistimewaan yang diberikan kepada Pihak Penganjur adalah muktamad dan tidak tertakluk kepada penamatan sekatan atau injuksi di bawah mana-mana dan semua keadaan.
- 11.12 Peserta tidak akan mempunyai hak untuk relif injuksi di dalam apa keadaan untuk menghalang atau selainnya mengganggu organisasi AKB 2018, pengeluaran, penyiaran, pendedaran, pameran dan/aatau eksploitasi apa-apa rakaman AKB 2018 dan/atau mana-mana produk berdasarkan dan/atau diperolehi daripada AKB 2018.
- 11.13 Terma-terma dan Syarat-syarat ini dibuat dalam versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Jika terdapat ketidaksejajaran atau perbezaan interpretasi antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Malaysia yang terjejas dianggap secara automatik diubah agar ia konsisten dengan bahagian versi Bahasa Inggeris yang berkenaan.